

MAHATHIR-DEFISIT

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI OR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMERANGKAN KEPADA KABINET LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTU MENGURANGKAN DEFISIT DAGANGAN YANG TIDAK KETARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGGARISKAN LANGKAH-LANGKAH PERLU YANG MELIPUTI INSURAN MUATAN KAPAL, INSURAN SEMULA, PERKAPALAN PELABURAN DAN PERDAGANGAN, YANG AKAN MEMBANTU MENINGKATKAN KEKAYAAN NEGARA.

SAMBIL MENYATAKAN RASA KHUATIR DENGAN DEFISIT DAGANGAN TIDAK KETARA SEBANYAK \$7 RIBU JUTA YANG DIALAMI OLEH NEGARA SEKARANG, BELIAU BERKATA SEMUA KEMENTERIAN BERKENAAN TELAH DIBERITAHU MENGENAI PERANAN YANG HARUS DIMAINKAN OLEH MEREKA UNTU MENGATASI KURANGAN ITU.

+ LANGKAH-LANGKAH YANG SAYA GARISKAN ITU SEBAHAGIANNYA ADALAH HASIL DARIPADA KAJIAN YANG DJJALANKAN OLEH MAJLIS PERDAGANGAN TIDAK KETARA YANG DIKETUAI OLEH TUNISHAIL ALI DAN DARIPADA PERBINCANGAN SAYA DENGAN PIHAK SWASTA, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET. --LAGI 1705/PA  
MAHATHIR-DEFISIT 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGEMUKAKAN SOALAN MENGAPA PARA PENGEKSPORT MALAYSIA MASIH MENGEKSPORT SECARA F.O.B. (PERCUMA ATAS KAPAL) SEDANGKAN PARA PENGIMPORT PULA MEMBELI BERDASARKAN C.X.F. (KOS, INSURAN DAN KOS PENGHANTARAN).

+ ADALAH INI KERANA MEREKA TIDAK TAHU CARANYA ATAU PUN MEREKA TIDAK SEDAR BERAPA BANYAK YANG MEREKA RUGI ATAU BERAPA BANYAK YANG NEGARA KERUGIAN? + TANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU JUGA MENEGASKAN PERLU NYA DIKETAHUI KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN PELABUHAN-PELABUHAN NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA APABILA KERAJAAN HENDAK MENGENAKAN LEVI \$100 KE ATAS LORI-LORI YANG HENDAK KE SINGAPURA, PIHAK PELABUHAN TEMPATAN KURANG SENANG DENGAN LANGKAH INI KERANA KEHUATIRI TIDAK AKAN DAPAP MENGENDALIKAN PENAMBAHAN TRAFIK YANG DIJANGKAKAN.

SEMUA INI, KAPA BELIAU, BERMAKNA PELABUHAN-PELABUHAN TEMPAT PERLU MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN ATAU PUN DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TAMBAHAN. --BERNAMA 1710/PA